



## KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Wilayah Persekutuan)

### PROGRAM TUITION MISSION PUTRAJAYA 2026 MEMPERKASA PELAJAR, MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN

22 APRIL 2026

1. Program Tuition Mission Putrajaya 2026 (TMP 2026) diteruskan sebagai inisiatif strategik Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah mendapatkan akses kepada kelas tambahan berkualiti secara percuma. Dalam usaha memastikan tiada pelajar tercicir daripada arus pendidikan akibat kekangan kewangan, inisiatif ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan pencapaian akademik pelajar, malah selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkasa kesejahteraan rakyat serta memastikan akses pendidikan yang inklusif dan saksama untuk semua.
2. Program yang dianjurkan setiap tahun oleh PPj dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) ini turut mendapat kerjasama strategik daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP). Peruntukan Pemberian Khas Wilayah Persekutuan Tahun 2026 bagi Program Pembangunan dan Kesejahteraan Komuniti, dimanfaatkan melalui pelaksanaan TMP 2026 yang dirangka dengan skala yang lebih meluas serta pendekatan yang diperkemas. Saya percaya TMP 2026 akan mampu meningkatkan pencapaian pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
3. TMP 2026 menyediakan kelas tambahan berkualiti khususnya dalam subjek teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah. Berdasarkan keputusan SPM 2025 yang diumumkan baru-baru ini, inisiatif TMP sekali lagi menunjukkan impak positif apabila 4 orang pelajar memperoleh keputusan 9A dan seorang pelajar memperoleh 8A. Kesemua peserta TMP 2025 layak menerima sijil SPM. Jumlah gred cemerlang (A+, A dan A-) pula meningkat 23% kepada 161 calon berbanding 138 calon pada SPM 2024. Manakala kadar kelulusan keseluruhan turut meningkat sebanyak 8.3%.
4. Bagi tahun 2026, program ini menyasarkan penyertaan seramai 150 orang pelajar daripada 9 buah sekolah menengah harian di Putrajaya. Seramai 20 orang guru berpengalaman dilantik sebagai tenaga pengajar dan pembimbing, yang turut menyediakan modul pembelajaran khusus untuk kegunaan pelajar sepanjang program.
5. Guru-guru ini juga merupakan pembina Modul Kecemerlangan bagi mata pelajaran masing-masing di peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya serta berpengalaman sebagai penggubal soalan di peringkat yang sama. Kepakaran dan pengalaman ini diyakini mampu memberikan bimbingan yang berkualiti serta membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar secara lebih berkesan.

6. Pelajar akan mengikuti kelas bagi empat subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah. Pemilihan subjek ini adalah berdasarkan keutamaan dalam SPM, di mana Bahasa Melayu dan Sejarah merupakan subjek wajib lulus, manakala Matematik dan Bahasa Inggeris memainkan peranan penting dalam menentukan peluang melanjutkan pelajaran serta kebolehpasaran pelajar.
7. Melalui pendekatan berfokus, TMP 2026 menyasarkan pencapaian 100% kelulusan dalam peperiksaan SPM dalam kalangan peserta. Program ini akan memastikan setiap pelajar mencapai gred A atau sekurang-kurangnya gred C bagi semua subjek yang diambil.
8. Pengisian TMP 2026 juga merangkumi Program Kembara Ilmu, Kelas Tuisyen Mingguan, Lawatan ke Universiti Tempatan dan Program Pecutan Akhir SPM. Selain itu, program baharu iaitu Pembelajaran Luar Kelas akan diperkenalkan dan dilaksanakan pada hari Sabtu kedua setiap bulan bagi memberi pengalaman pembelajaran yang lebih holistik dalam persekitaran yang kondusif.
9. Kelas TMP akan dilaksanakan secara fizikal di Kompleks Kejiranan Presint 16, dengan jadual kelas pada setiap hari Selasa dan Khamis melibatkan sebanyak 30 sesi secara bergilir mengikut subjek. Program ini akan bermula pada 5 Mei hingga 18 Oktober 2026.
10. Pelaksanaan program ini diharap dapat membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar serta memberi persediaan yang lebih mantap kepada mereka dalam menghadapi peperiksaan SPM akan datang.
11. Maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi Perbadanan Putrajaya di [www.ppi.gov.my](http://www.ppi.gov.my).

**HANNAH YEOH**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

